

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	02 JUNE 2017

Pemuda UMNO desak Syed Mokhtar perjas isu PROTON

BH - 2/6/2017
Pg. 14

Kuala Lumpur: Pemuda UMNO semalam mendesak Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary tampil memberi penjelasan segera berhubung pelbagai isu dibangkitkan Tun Dr Mahathir Mohamad berkaitan PROTON termasuk penjualan 49.9 peratus saham PROTON kepada Zhejiang Geely Automotive Co Ltd (Geely).

Penolong Setiausaha Pemuda UMNO, Datuk Mohamad Sahfri Abd Aziz, berkata penjelasan daripada tokoh yang menjadi pemegang saham terbesar DRB-HICOM itu diharapkan dapat meleraikan kekeliruan yang timbul berhubung penjualan saham Proton ketika ini.

“Selaku penerima anugerah Tokoh Maal Hijrah, Syed Mokhtar, tidak boleh berdiam diri. Beliau perlu menerangkan perkara sebenar supaya rakyat tidak keliru dengan dakwaan dibangkitkan Dr Mahathir.

Redakan keresahan rakyat

“Syed Mokhtar sudah tentu tahu perkara sebenar keputusan penjualan saham PROTON kepada Geely bagi meredakan keresahan rakyat dan pengkritik ekonomi tempatan serta antarabangsa,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Keputusan PROTON menjual 49.9 peratus sahamnya kepada Geely minggu lalu dikritik Dr Mahathir yang menganggap kerajaan menjual syarikat kereta nasional kepada pihak asing sehingga menimbulkan kekeliruan masyarakat.

Mohamad Sahfry berkata, tindak tanduk dan segala kenyataan dikeluarkan bekas Perdana Menteri itu boleh menimbulkan implikasi kepada semua pihak berkepentingan kerana ia membabitkan syarikat antarabangsa.

“Malah, pada 2012, ketika Dr Mahathir menjadi Pengerusi PROTON, beliau sendiri pernah berjumpa dengan syarikat Geely dalam usaha menyelamatkan PROTON.

“Ini juga perkara yang perlu dijelaskan Syed Mokhtar apakah yang berlaku ketika itu,” katanya.

Mengulas kesediaan Dr Mahathir untuk kembali menjadi Perdana Menteri semula, Mohd Sahfry berkata, parti yang berada dalam Pakatan Harapan (PH) perlu menilai semula sejauh mana kejujuran pemimpin itu menyertai pakatan pembangkang.



Tindak tanduk dan segala kenyataan dikeluarkan bekas Perdana Menteri itu boleh menimbulkan implikasi kepada semua pihak berkepentingan kerana ia membabitkan syarikat antarabangsa”

Mohamad Sahfri Abd Aziz,
Penolong Setiausaha Pemuda UMNO